

Headline	IBM, 11 IPT jalin kerjasama bangunkan SSME	Language	MALAY
Date	18. Sep 2008	Page No	28,29
Media Title	Berita Harian	Article Size	324 cm2
Section	Ekonomi	Frequency	Daily
Circulation	217920	Color	Full Color
Readership	2083000	AdValue	5741.17



MAXIMUS (kiri) membincangkan pelaksanaan SSME bersama Ou dan Anil.

IBM, 11 IPT jalin kerjasama bangunkan SSME

IBM Malaysia Sdn Bhd (IBM Malaysia) menjalin kerjasama strategik dengan 11 institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan untuk membangunkan kurikulum pelbagai disiplin Sains Perkhidmatan, Pengurusan dan Kejuruteraan (SSME).

Program SSME adalah inisiatif akademik yang dibangunkan IBM Corporation untuk menyediakan lepasan universiti yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai lapangan dan melahirkan tenaga kerja berkemahiran dalam ekonomi berdasarkan perkhidmatan.

Pengarah Urusan IBM Malaysia, Ou Shian Wei, berkata kerjasama pihaknya dan institusi

Forum Inovasi IBM-Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Pelancarannya disempurnakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Maximus Ongkili.

Hadir sama, Ketua Pengarah Kementerian Pengajaran Tinggi, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi dan Naib Presiden Strategi Korporat Pasaran Pertumbuhan IBM Corporation, Dr Anil Menon.

Ou berkata, disiplin akademik baru itu akan menggabungkan pembelajaran dalam bidang sains komputer, sains kognitif dan sosial, penyelidikan operasi, kejuruteraan industri, strategi per-

SSME mula dibangun dan diperkenalkan oleh gergasi perkomputeran dunia itu pada 2004, selepas bekerjasama dengan pelbagai syarikat dan universiti di seluruh dunia.

11 IPT tempatan terbabit dalam kerjasama itu adalah Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Mara.

Turut terbabit, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Multimedia, Asia Pacific University College of Technology and Innovation dan Kolej INTI.

pengajian tinggi serta sokongan kerajaan mencerminkan komitmen semua pihak terbabit untuk menyediakan asas yang dapat menyokong pertumbuhan sektor perkhidmatan negara.

"Sektor perkhidmatan di Malaysia dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan purata 7.5 peratus dari 2006 hingga 2020, dengan sektor perkhidmatan dijangka menyumbang sekitar 60 peratus kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pengumuman kerjasama membangunkan SSME antara IBM dan 11 IPT tempatan sempena

niagaan serta sains pengurusan. "Setiap universiti yang terbabit dalam kerjasama ini akan membangunkan SSME mengikut fokus masing-masing dan IBM hanya menyediakan rangka kurikulum baru ini," katanya.

Sementara itu, Radin Umar berkata, pendekatan baru dan kerjasama inovatif dalam bidang pendidikan amat diperlukan untuk memacu ekonomi negara yang berasaskan pengetahuan ke tahap baru.

"Kerajaan sendiri memperuntukkan RM47.4 bilion atau 23 peratus daripada bajet keseluruhan 2009," katanya.